

07 JUN 2001

Mahathir-Globalisasi

GLOBALISASI TIDAK SEMESTINYA PERLU PEMUSNAHAN SEMPADAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Jamaluddin Muhammad

TOKYO, 7 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata objektif globalisasi boleh dicapai melalui cara merendahkan sempadan secara terpilih dan tidak semestinya memerlukan pemusnahan sempadan.

Perdana Menteri berkata dunia patut mengakui bahawa kesulitan dan kesusah merentasi sempadan telah menyekat interaksi ekonomi, aliran bebas kepakaran dan modal yang mendatangkan kekayaan.

"Jawapannya tidak semestinya pemusnahan sempadan. Kita boleh mencapai tujuan yang sama dengan hanya bersetuju merendahkan sempadan mengikut bahagian bagi modal untuk mengalir masuk malahan untuk menyediakan insentif bagi aliran masuk modal," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan perdananya mengenai "Globalisasi, Masyarakat Global dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu" pada Siri Syarahan Tokoh U Thant di Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di sini.

Siri syarahan itu diberi sempena nama U Thant, setiausaha agung PBB dari 1961 hingga 1971, yang mencadangkan penubuhan universiti itu.

Malaysia, katanya, selama ini telah merendahkan sempadannya dengan menggalakkan aliran masuk modal melalui insentif dan mengurangkan kesulitan birokratik serta menjadi mesra perniagaan dengan sedaya mungkin berusaha memenuhi keperluan para pelabur.

"Kami amat berjaya dan telah diperkayakan dengan aliran masuk modal asing lama sebelum FDI menjadi akronim Pelaburan Langsung Asing. Tetapi kami tidak menurunkan sempadan kami sepenuhnya. Kami dapati ia tidak perlu," katanya.

Hasilnya perniagaan domestik telah mampu untuk berkembang maju sehinggakan Malaysia mampu bersaing, melabur dan mengeksport produk aslinya sendiri, memperoleh pendapatan yang lebih baik untuk negara, katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia mendapat faedah daripada jentera pertumbuhan yang disediakan oleh negara kaya dan negara kaya pula memperoleh manfaat daripada kos yang rendah dan kemahiran para pekerja Malaysia.

"Ia memberi manfaat kepada semua orang, melalui cara merendahkan dengan perlahan tembok sempadan kami. Dan kami boleh terus memberikan manfaat kepada semua orang dengan cara kami, dengan merendahkan sempadan kami secara terpilih," katanya.

Perdana Menteri membidas para penyokong dunia tanpa sempadan kerana terlalu mengamalkan diskriminasi dengan mendesak bagi penghapusan sempadan hanya bagi membolehkan modal mengalir masuk dan keluar.

"Jika kita benar-benar tanpa sempadan maka rakyat juga seharusnya bebas keluar dan masuk pelbagai negara. Berjuta-juta penduduk miskin di Afrika, Asia dan Amerika Latin sepatutnya boleh berhijrah ke negara kaya dan mereka boleh menyumbang ke arah mengurangkan kos tanpa menjejaskan kewangan negara kaya.

"Jika negara kaya boleh meraih keuntungan di negara miskin kenapa pula negara miskin tidak boleh membuat keuntungan di negara kaya? Adil bukan" tanya beliau.

Katanya globalisasi tidak akan membenarkan aliran bebas pekerja dari sebelah sini ke negara sebelah sama.

"Double standard yang sama tetap ada. Ekor saya menang, kepala anda kalah. Globalisasi buat masa ini bukan satu permainan menang-menang. Ia mengenai pemenang akan terus menang dan yang kalah aka terus-terusan

kalah," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Tetapi jika globalisasi kini begitu berat sebelah, bolehkah kita menjadikannya kurang berat sebelah?"

Katanya dunia boleh mewujudkan globalisasi tanpa pasaran yang bebas sepenuhnya, pembatalan kawal selia sepenuhnya, dan melepaskan kerajaan daripada tanggungjawab menjadi penyelia dan pengawal atur.

Sempadan, katanya, mungkin boleh diruntuhkan untuk menjadikan dunia lebih global.

"Tetapi kita boleh menjadi selektif dari segi bahan dagangan, dari segi masa dan dari segi skala. Tidak perlu sebenarnya untuk meruntuhkan sempadan bagi semua perkara dan semua orang pada satu masa yang ditetapkan, begitu juga duti tidak perlu dihapuskan bagi semua benda.

"Ya, terdapat peruntukan bagi semua ini dalam perjanjian Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) tetapi ia tidak cukup baik. Desakan yang sering dibuat ialah untuk bersikap terbuka, untuk membenarkan modal masuk dan keluar dan untuk memperoleh keuntungan daripada pergerakan modal berbanding pelaburan produktif jangka panjang," katanya.

Perdana Menteri berkata globalisasi telah mengecewakan lama sebelum ia dirasai oleh majoriti penduduk dan negara-negara di dunia.

Katanya ini amat malang sekali kerana ia telah memberikan begitu banyak harapan bagi sebuah dunia yang lebih baik dan saksama, sebuah dunia yang bebas daripada kemiskinan, sebuah dunia yang penyayang dan dikongsi bersama antara yang kaya dan miskin.

Globalisasi kini bermaksud kerajaan bukan sahaja patut melangkah ke belakang tetapi haruslah kehilangan sebarang hak atau kuasa untuk menyelia pasaran, katanya.

Pasaran yang didakwa akan mengawal atur dirinya sendiri dan malahan ia akan melakukan lebih daripada itu dengan mendisiplinkan kerajaan seperti apa yang dilakukan pedagang matawang George Soros terhadap negara di seluruh rantau, katanya.

Beliau turut mempersoalkan sama ada perdagangan matawang harus menjadi sebahagian daripada globalisasi.

"Kita masih boleh mempunyai perdagangan dunia tanpa pedagang mata wang. Malahan kita masih boleh mempunyai perdagangan dunia dengan kadar tukaran tetap," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia dengan kadar tukaran tetapnya untuk mengatasi manipulasi pedagang matawang dan bagi menghalang negara daripada menjadi muflis, telahpun pulih sepenuhnya.

Mengenai PBB, beliau berkata, WTO yang ditubuhkan di bawahnya telah menjadi satu instrumen untuk memaksa dunia menerima dasar-dasar negara kaya, yang direka untuk mengayak lagi negara yang sudah sedia kaya.

"WTO bukannya mengenai perdagangan yang adil. Ia mengenai paksaan idea terhadap mereka yang tidak menerima idea membantu negara kaya untuk menjadi lebih kaya. Dalam WTO, globalisasi dan dunia tanpa sempadan bukan hanya digalakkan tetapi juga dipaksa.

"Sehingga adanya pembaharuan dalam sistem PBB, keadaan yang primitif ini akan berterusan," katanya.

-- BERNAMA

JM RON